

# Penjara seumur hidup kekal tanda kerajaan serius

UM-19/9/2006

KUALA LUMPUR 18 Sept. - Hukuman penjara seumur hidup bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Senjata Api 1960 [Akta 206] dan Akta Senjata Api (Hukuman Lebih Berat) 1971 [Akta 37] masih dikekalkan bagi menunjukkan kerajaan serius terhadap jenayah tersebut selain sebagai satu hukuman pencegahan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelaksanaan hukuman berkenaan juga bagi memastikan keselamatan serta kesejahteraan masyarakat terpelihara dengan mencegah pemilikan senjata api secara tidak sah dan tanpa lesen serta penyeludupan senjata api.

"Kesalahan-kesalahan berat ini memberikan impak yang besar kepada masyarakat.

"Oleh yang demikian, kerajaan masih lagi mengekalkan hukuman penjara seumur hidup," katanya dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan lisan **Karpal Singh (DAP-Bukit Gelugor)** pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Karpal sebelum ini meminta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kerajaan masih mengekalkan hukuman penjara seumur hidup di bawah Kanun Keseksaan, Akta Senjata Api 1960 dan *Firearms (Increased Penalties) Act 1960*.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri menambah, jenayah membabitkan penggunaan senjata api boleh memberikan implikasi negatif terhadap pembangunan sosial masyarakat.